

٢٨ - بَابُ إِذَا رَأَتْ الْمُسْتَحَاضَةُ الطُّهْرَ قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ تَغَسَّلُ وَتُصَلِّي وَلَوْ سَاعَةً وَيَأْتِيهَا زَوْجُهَا إِذَا صَلَّتِ الصَّلَاةَ الْأَكْبَرُ

28 - Bab: Apabila Perempuan Yang Beristihadhah Melihat Kesucian (Dengan Terhentinya Keluar Darah). Ibnu `Abbaas Berkata: "Dia Perlu Mandi Dan Bersembahyang Walaupun Hanya Seketika Saja, Dan Suaminya Boleh Mendatanginya Apabila Dia Telah (Boleh) Bersembahyang. Shalat Itu Lebih Besar (Penting Dpd Segala Perkara Yg Lain)."²⁹⁶

٣١٩ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ عَنْ زُهَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِيَ الصَّلَاةَ وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ وَصَلِّي

319 - Ahmad bin Yunus meriwayatkan kepada kami daripada Zuhair, katanya: Hisyam bin `Urwah meriwayatkan kepada kami daripada `Urwah daripada `Aaisyah r.a, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila haidh datang, maka tinggalkanlah sembahyang (engkau tidak boleh bersambahyang) dan apabila haidh itu pergi (habis tempohnya), maka basuhlah darah darimu dan bershalatlah."

٢٩ - بَابُ الصَّلَاةِ عَلَى النِّسَاءِ وَسُنَّتِهَا

29 - Bab: Shalat (Jenazah) Ke Atas Wanita Yang Mati Dalam Keadaan Bernifas, Dan (Bagaimana) Sunnahnya.²⁹⁷

²⁹⁶ Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk tiga maksud. Pertama: Menarik perhatian pembaca kepada khilaf `ulama' tentang sekurang-kurangnya tempoh suci di antara dua haidh. Abu Hanifah dan Syafi'e berpendapat 15 hari. Ahmad berpendapat 13 hari. Tetapi Bukhari r.a. dan Malik berpendapat tidak ada had bagi sekurang-kurangnya tempoh suci di antara dua haidh. Ia boleh berlaku walaupun untuk seketika sahaja. Kedua: Untuk menolak qaedah istizhar yang diguna pakai di dalam mazhab Malik. Bagi Bukhari r.a. walupun untuk seketika sahaja seseorang perempuan melihat kesucian dirinya daripada haidh, sudahlah wajib ke atasnya bersembahyang dan lain-lain. Dia tidak perlu menunggu (istizhar) selama 3 hari selepas suci itu untuk bersembahyang. Ini kerana sembahyang itu lebih besar dan lebih penting daripada segala perkara yang lain. Ketiga: Apabila seseorang perempuan beristihadhah sudah boleh bersembahyang, maka bolehlah juga dia bersetubuh dengan suaminya. Kerana yang menghalang kedua-duanya adalah haidh. Setelah suci tiada lagi darah haidh itu. Semata-mata adanya darah selepas itu tidaklah menghalang mereka daripada persetubuhan, kerana darah selepas waktu haidh itu adalah darah istihadhah. Ia bukan menghalang persetubuhan dari segi syara'. Kecualilah dipastikan pendarahan (istihadhah) itu kerana sesuatu penyakit yang akan membahayakan si isteri atau kedua-dua suami isteri jika berlaku hubungan kelamin di antara mereka.

²⁹⁷ Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini untuk menjelaskan beberapa perkara dan menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul kerana beberapa perkara. Pertama: Perempuan yang bernifas dan

٣٢٠ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ أَبِي سُرَيْجٍ قَالَ أَخْبَرَنَا شَبَابَةُ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ عَنْ حُسَيْنِ الْمُعَلِّمِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ أَنَّ امْرَأَةً مَاتَتْ فِي بَطْنٍ فَصَلَّى عَلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَامَ وَسَطَهَا

320 - Ahmad bin Abi Suraij meriwayatkan kepada kami, katanya: Syababah meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada Husain al-Mu'allim daripada Abdillah bin Buraidah daripada Samurah bin Jundub bahawa ada seorang wanita mati kerana sakit perut melahirkan anak,²⁹⁸ maka Nabi s.a.w. menyembahyangkannya. Baginda s.a.w. berdiri (ketika shalat jenazah itu) membetuli bahagian tengahnya.

٣٢١ - حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُدْرِكٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَمَّادٍ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو عَوَانَةَ اسْمُهُ الْوَضَّاحُ مِنْ كِتَابِهِ قَالَ أَخْبَرَنَا سُلَيْمَانُ الشَّيْبَانِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَّادٍ قَالَ سَمِعْتُ خَالَتِي مَيْمُونَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى

perempuan yang berhaidh memang tidak dibenarkan bersembahyang tetapi kalau dia meninggal dunia dalam keadaan itu, jenazahnya wajib disembahyangkan. Kedua: Menunjukkan orang Islam itu suci, tidak najis sama ada semasa hidupnya atau selepas matinya. Walaupun kematiannya berlaku ketika dia sedang bernifas, berhaidh dan berjunub atau dengan kata lain ketika sedang berhadats besar. Ini kerana nifas, haidh dan janabah itu kalau pun dikatakan najis, maka ia adalah najis hukmi yang hukumnya berbeza sama sekali daripada najis 'aini. Istilah yang lebih tepat untuk mereka ialah hadats bukan najis. Jika ada pun najis 'aini pada tubuh mayat mereka yang tersebut itu, ia menjadi suci dan bersih dengan dimandikan dan diwudhu'kan. Ketiga: Berdasarkan apa yang tersebut di dalam sesetengah hadits, perempuan yang mati kerana melahirkan anak dikatakan mati syahid. Oleh itu mungkin ada yang berpendapat ia tidak perlu dimandikan dan disembahyangkan kerana kematiannya adalah syahadah. Dengan mengemukakan bab ini Imam Bukhari r.a. sebenarnya mahu menghilangkan kekeliruan itu. Beliau seolah-olahnya berkata syahid yang tidak dimandikan dan disembahyangkan itu adalah syahid dunia atau syahid al-ma'ra'ah bukan syahid akhirat seperti perempuan yang mati kerana melahirkan anak. Kalau Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyembahyangkan jenazah perempuan bernifas, maka itu sudah ia merupakan keputusan beliau tentang adanya perbezaan di antara dua macam syahid yang tersebut tadi. Keempat: Cara sunnah dalam menyembahyangkan jenazah perempuan bernifas. Berdasar hadits di atas Rasulullah s.a.w. telah berdiri membetuli bahagian tengah tubuh jenazah itu ketika menyembahyangkannya. Apakah cara ini khusus untuk perempuan bernifas atau umum untuk perempuan-perempuan yang lain juga? Di sini bukanlah tempat yang sesuai untuk diperpanjangkan perbincangan tentang perkara ini. Oleh kerana Imam Bukhari r.a. sendiri telah mengadakan bab khusus mengenainya di dalam Kitab al-Jana'iz, maka di sanalah tempat paling sesuai untuknya.

²⁹⁸ Al-Isma'ili mengkritik Bukhari r.a. di sini. Katanya hadits ini hanya menyebutkan wanita berkenaan mati kerana sakit perut semata-mata. Ia langsung tidak menyentuh soal nifas atau mati kerana melahirkan anak. Sesungguhnya Bukhari r.a. telah terkeliru sehingga beliau mengaitkannya dengan mati dalam keadaan bernifas. Para pensyarah Sahih Bukhari menyangkal kritikan Isma'ili itu. Mereka mengatakan orang yang mengatakan Bukhari r.a. terkeliru itulah sebenarnya yang terkeliru. Ini kerana Bukhari r.a. sendiri mengemukakan hadits ini dalam versi yang lebih jelas daripada Samurah juga di dalam Kitab al-Jana'iz dengan lafzf: صَلَّيْتُ وَرَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى امْرَأَةٍ مَاتَتْ فِي نَفْسِهَا فَقَامَ عَلَيْهَا وَسَطُهَا. Maksudnya: "Aku pernah ikut Nabi s.a.w. menyembahyangkan jenazah seorang perempuan yang mati kerana melahirkan anak. Beliau s.a.w. berdiri (ketika shalat jenazah itu) membetuli bahagian tengahnya." Imam Muslim dan lain-lain juga telah mengemukakan hadits ini di dalam kitab mereka masing-masing.

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا كَانَتْ تَكُونُ حَائِضًا لَا تُصَلِّي وَهِيَ مُفْتَرِشَةٌ بِجِذَاءٍ مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُصَلِّي عَلَى خُمُرَتِهِ إِذَا سَجَدَ أَصَابَنِي بَعْضُ ثَوْبِهِ

321 - Al-Hasan bin Mudrik meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Hammaad meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awanah, namanya ialah al-Waddhah, meriwayatkan kepada kami daripada (berpandukan) kitabnya,²⁹⁹ katanya: Sulaiman asy-Syaibani meriwayatkan kepada kami daripada Abdillah bin Syaddad, katanya: Aku mendengar emak saudaraku Maimunah, isteri Nabi s.a.w. menceritakan: Bahawa sesungguhnya ketika beliau berhaidh, tidak boleh bershalat (pd ketika itu), beliau berbaring di hadapan tempat sujud Rasulullah s.a.w. ketika baginda sedang bershalat di atas sejadah kecilnya. Apabila Baginda bersujud, sebahagian pakaiannya mengenaiaku.”³⁰⁰

²⁹⁹ Abu 'Awanah adalah seorang perawi yang kuat dan teguh malah beliau adalah salah seorang imam dalam hadits. Jika beliau meriwayatkan sesuatu hadits berpandukan kitabnya, maka riwayatnya itu dianggap lebih kuat lagi. Demikianlah kata Imam Ahmad. Kerana itulah perawi berasa perlu menyebutkannya secara jelas.

³⁰⁰ Hadits kedua ini berdasarkan nuskah Ashili dan lain-lain memang berada di bawah bab ini. Tetapi berdasarkan nuskah Abu Zar ia terletak dibawah satu bab tanpa tajuk. Jika dipakai nuskah Ashili dan lain-lain yang tidak mempunyai bab tanpa tajuk itu, maka maksud Bukhari r.a. meletakkan hadits kedua ini di bawah bab di atas ialah untuk menyamakan hukum perempuan yang mati dalam keadaan berhaidh dengan perempuan yang mati dalam keadaan bernifas dari segi jenazah kedua-duanya sama-sama perlu disembahyangkan. Oleh kerana Bukhari r.a. tidak mendapati hadits yang menepati syaratnya berkenaan dengan sembahyang jenazah ke atas perempuan yang mati dalam keadaan berhaidh, beliau menggunakan hadits Maimunah r.a. saja untuk menyatakan maksud beliau itu. Ini kerana tidak ada beza di antara perempuan berhaidh yang tidur di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang dengan perempuan berhaidh yang disembahyangkan sebagai jenazah. Dari segi zahirnya ia kelihatan sama. Jika bersembahyang dengan mengadap ke arah perempuan yang berhaidh yang sedang tidur tidak salah, malah ia dilakukan sendiri oleh Rasulullah s.a.w., maka apakah salahnya seseorang mengadap ke arah jenazah perempuan berhaidh? Bukankah dari segi agama banyak sekali terdapat persamaan hukum di antara perempuan berhaidh dan perempuan bernifas?? Jika nuskah Abu Zar pula yang dipakai, maka mengikut Hafiz Ibnu Hajar seperti biasa bab tanpa tajuk di dalam Sahih Bukhari sama dengan fasal bagi sesuatu bab di dalam kitab-kitab yang lain. Mengikut Syaikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan sering kali juga Bukhari r.a. mengemukakan bab tanpa tajuk dengan maksud mengasah fikiran pelajar (تشحيذا للأذهان). Bagi beliau Bukhari r.a. mahu mencungkil bakat pelajar-pelajar hadits dengan cara mendorong mereka supaya membuat sendiri tajuk yang ditinggalkan kosong oleh beliau. Di sini misalnya sesuai juga jika dibuat tajuk-tajuk seperti berikut: باب إذا مس ثوب . باب الصلوة بقرب الحائض وغيره . باب طهارة عين الحائض المصلي بدن الحائض فلا ضير فيه . Mungkin juga Bukhari r.a. bermaksud menghilangkan kekeliruan yang timbul dari sebuah hadits yang menyebutkan bahawa sembahyang seseorang terputus oleh perempuan, anjing dan keledai (yang lalu di hadapannya). Dengan bab ini beliau mahu menolak pendapat sesetengah 'ulama' yang mengatakan sembahyang seseorang terbatal jika perempuan, anjing atau keledai melintas di hadapannya. Bagi Bukhari r.a. tidur melintang di hadapan orang yang sedang bersembahyang atau berada secara tetap di hadapannya lebih teruk lagi daripada melintasinya. Jika itu pun tidak membatalkan sembahyang seseorang, bagaimana melintas saja di hadapannya boleh membatalkan pula. Bagaimana pula dengan jenazah perempuan bernifas atau perempuan berhaidh yang terbaring di hadapan orang-orang yang menyembahyangkannya. Adakah sembahyang mereka juga terputus atau terbatal?

Antara pengajaran yang terdapat di dalam hadits ini ialah (1) Perempuan yang berhaidh dan perempuan yang bernifas tidak najis. Jika ia najis tentulah Nabi s.a.w. tidak membiarkan kain beliau mengenai Maimunah ketika beliau sedang bersembahyang. (2) Sembahyang seseorang tidak terjejas dengan

**Carta Perbezaan Mazhab Dalam Masalah Tempoh Habis `Iddah
Seseorang Perempuan**

	Tempoh suci ketika dicerainya seseorang perempuan	Haidh yang pertama	Tempoh suci selepasnya	Haidh yang kedua	Tempoh suci selepasnya	Permulaan haidh ketiga di mana habisnya `iddah	Jumlahnya
Mazhab Bukhari & Malik	1 lahzah	1 lahzah	10 hari / 13 hari / lain- lain	1 lahzah	10 hari / 13 hari / lain- lain	1 lahzah	20 hari 4 lahzah / 26 hari 4 lahzah / lain-lain
Mazhab Syafi'e	Satu lahzah	Satu hari	15 hari	1 hari	15 hari	1 lahzah	32 hari 2 lahzah
Mazhab Ahmad	Satu lahzah	Satu hari	13 hari	1 hari	13 hari	1 lahzah	28 hari 2 lahzah
Mazhab Abu Hanifah	Satu lahzah	10 hari	15 hari	10 hari	15 hari	10 hari	60 hari 1 lahzah
Mazhab Shahibain (Abu Yusuf & Muhammad bin Hasan Asy- Syaibani	Satu lahzah	3 hari	15 hari	3 hari	15 hari	3 hari	39 hari 1 lahzah

sebab adanya Perempuan yang berhaidh atau perempuan yang bernifas dekatnya. (3) Perempuan yang berhaidh dan perempuan yang bernifas tidak boleh bersembahyang. (4) Harus tidur melintang di hadapan orang yang sedang bersembahyang. (5) Harus bersembahyang dengan memakai pelapik atau sejadah sama ada yang kecil atau yang besar.

Hafiz Ibnu Hajar tidak berkata apa-apa tentang bara'ah ikhtitam bab ini. Bara'ah ikhtitamnya terletak pada ayat-ayat berikut: Shalat (jenazah) ke atas wanita yang mati dalam keadaan bernifas (الصَّلَاةُ عَلَى الْفُتْسَاءِ), dia tidak boleh bershalat (لَا تَصَلِّي), beliau berbaring di hadapan tempat sujud Rasulullah s.a.w. (وَهِيَ مُقَرَّشَةٌ بِجِذَاءِ مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ). Ia betul-betul merupakan gambaran jenazah yang disembahyangkan. Bara'ah ikhtitam Bukhari r.a. mendorong kita semua agar mengingati mati yang merupakan kesudahan kehidupan di dunia ini.